

26/08/2003

PM bertemu Megawati di Kuching

KUCHING: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri, di sini Khamis ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak semalam, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dijadual tiba di sini dari Kuala Lumpur pada jam 9.30 pagi, manakala rakan sejawatannya dari Indonesia itu akan tiba pada jam 12.10 tengah hari.

Perdana Menteri dijangka bertemu Megawati di Hotel Kuching Hilton di sini sebelum kedua-dua pemimpin itu memulakan rundingan dua hala di tempat yang sama pada tengah hari, menurut kenyataan itu.

Dr Mahathir akan meraikan Megawati pada majlis bankuet di Dewan Bankuet, Kompleks Dewan Undangan Negeri di Petra Jaya pada malam berkenaan.

Dr Siti Hasmah pula dijadual menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan di sini.